

Kerajaan tambah baik jawatan APM

Penstrukturan semula terus bela kebajikan warga, tingkat peranan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kajang: Kerajaan akan melaksanakan penambahbaikan atau penstrukturan semula jawatan tetap dalam Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta memastikan kebajikan warga agensi itu sentiasa terbela menerusi Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Menegaskan komitmen berkeajaan, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pelbagai langkah proaktif akan terus diambil bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan APM, antaranya dengan memperluas operasi kecemasan dan bencana yang meliputi operasi khas bersepadu merentasi agensi bagi memerangi pandemik COVID-19.

Katanya, dalam memperkukuhkan peranan APM sebagai benteng pertahanan negara, khususnya dalam menyediakan perkhidmatan kemanusiaan pada waktu kecemasan atau bencana, kerajaan akan meneliti cadangan bagi beberapa inisiatif, termasuk pembinaan kompleks pejabat dan pusat latihan agensi itu di Perak, Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, projek terbabit diteliti untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan 2* menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 dengan kompleks berkenaan bakal menjadi pusat pemindahan sementara

untuk penduduk yang terkesan akibat bencana dan akan dilengkapi Sistem Amanan Awam.

“Selain itu, penambahbaikan atau penstrukturan semula jawatan tetap di pejabat (APM) negeri dan daerah melalui Sekretariat Pengurusan Bencana.

“Saya difahamkan kini hanya terdapat 578 pegawai yang memegang jawatan tetap bagi pengurusan bencana di lapangan,” katanya.

Perdana Menteri berucap demikian pada Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Ke-69 dan perasmian ibu pejabat APM di sini, semalam.

Pada majlis sama, Muhyiddin turut melancarkan sistem TRAC APM, iaitu inisiatif pendigitalan yang dilaksanakan APM selaras usaha kerajaan mentransformasikan pendigitalan negara, selain menyempurnakan majlis penyerahan kenderaan pacuan empat roda kepada APM negeri.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof; Timbalannya, Datuk Mastura Mohd Yazid; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman dan Ketua Pesuruhjaya APM, Datuk Roslan Wahab.

Mengulas lanjut mengenai perluasan operasi kecemasan dan bencana yang meliputi operasi



Muhyiddin merasmikan Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Ke-69 dan Ibu Pejabat APM di Sungai Merab, Kajang semalam. Yang turut hadir, Mohd Redzuan (tiga dari kiri) dan Mohd Khairul Adib (kanan).

(Foto BERNAMA)

khas bersepadu merentasi agensi, Perdana Menteri berkata, langkah itu bertujuan memerangi pandemik COVID-19, khususnya di stesen atau pusat kuarantin, kawalan sempadan serta menerusi program pemeriksaan komuniti.

Beliau turut berharap APM dapat terus memainkan peranan meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat setempat dalam menghadapi sebarang bentuk bencana dan kecemasan pada peringkat negeri, daerah sehingga ke akar umbi, ter-

masuk turun ke lapangan dengan kerap untuk mendidik atau mengadakan libat urus bagi meningkatkan kesedaran orang ramai.

“Langkah ini dapat memastikan mereka bersedia bertindak sebagai *first responder* apabila berdepan dengan situasi kecemasan seperti bencana atau kebakaran,” katanya.

Sepanjang pandemik COVID-19, beliau berkata, APM sudah mencurahkan khidmat bakti dan menggalas tanggungjawab yang

besar sebagai petugas barisan hadapan dalam membantu usaha kerajaan untuk mengekang penularan wabak berkenaan.

“Saya maklum, ramai dalam kalangan warga APM yang sudah dan akan digerakkan, khususnya ke kawasan luar bandar dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang kini giat dijalankan. Ini termasuklah membantu masyarakat setempat untuk melakukan pendaftaran vaksin,” katanya.